

**SOALAN LAZIM**  
**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
<b>Penambahbaikan Struktur Gaji</b>		
1.	Apakah penambahbaikan yang dilaksanakan ke atas struktur gaji di bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA)?	<p>Penambahbaikan struktur gaji yang dilaksanakan di bawah SSPA adalah meliputi penambahbaikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Gaji Permulaan Terendah (GPT);</li> <li>ii) Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) dan;</li> <li>iii) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT).</li> </ul>
2.	Siapakah yang layak menerima penambahbaikan struktur gaji di bawah SSPA?	Pegawai yang menerima opsyen SSPA adalah layak menerima penambahbaikan struktur gaji ini.
3.	Adakah pegawai yang menerima opsyen SSPA tetapi belum memenuhi syarat opsyen adalah layak menerima penambahbaikan struktur gaji di bawah SSPA?	Pegawai yang menerima opsyen SSPA tetapi belum memenuhi syarat untuk ditukar lantik kepada skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah SSPA adalah tertakluk kepada struktur gaji di bawah SSM secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Gaji pegawai akan diselaras dan dipindahkan berdasarkan skim perkhidmatan dan struktur gaji di bawah SSPA sehari selepas pegawai memenuhi syarat pertukaran pelantikan.
4.	Bagaimanakah kedudukan pegawai yang menolak opsyen SSPA?	Pegawai yang menolak opsyen SSPA adalah tidak layak menerima penambahbaikan struktur gaji. Pegawai adalah tertakluk kepada struktur gaji di bawah Sistem Saran Malaysia (SSM) secara KUP.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
5.	Adakah penambahbaikan struktur JGMM ini turut layak diberikan kepada pegawai yang sedang dipinjam atau ditukar sementara (ke agensi kerajaan, pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta) serta pegawai yang sedang Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji?	Penambahbaikan struktur JGMM ini juga layak diberikan kepada pegawai yang menerima opsyen SSPA dan sedang dipinjam atau ditukar sementara (ke agensi kerajaan, pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta), serta pegawai yang sedang Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji.
6.	Adakah pegawai yang menolak opsyen SSPA tetapi kemudiannya dinaikkan pangkat, layak menerima penambahbaikan struktur JGMM ini?	Pegawai yang menolak tawaran SSPA akan terus kekal di bawah skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan sedia ada di bawah SSM secara KUP kecuali setelah dinaikkan pangkat dalam skim perkhidmatannya, penyelarasan kepada gred SSPA yang setara hendaklah dibuat dan pegawai adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah SSPA.
<b>Gaji Permulaan Terendah (GPT)</b>		
7.	Berapakah amaun Gaji Permulaan Terendah (GPT) Perkhidmatan Awam yang ditetapkan di bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA)?	GPT bagi Perkhidmatan Awam yang ditetapkan di bawah SSPA adalah pada kadar RM1,500.00 sebulan bagi pegawai di Gred 1 selaras dengan penetapan kelayakan masuk minimum dalam Perkhidmatan Awam di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf.
8.	Siapakah pegawai yang layak menerima GPT?	Penetapan GPT baharu ini hanya terpakai kepada pegawai yang menerima opsyen SSPA. Bagi pegawai Gred 11 (SSM) yang menerima opsyen SSPA tetapi belum memenuhi syarat untuk ditukar lantik kepada skim perkhidmatan berkuat kuasa di bawah SSPA, sekiranya gaji pegawai setelah diberi pelarasan gaji adalah di bawah daripada GPT,

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		gaji pegawai tersebut akan dipindahkan ke amaun GPT dalam JGMM yang sama (JGMM SSM).
9.	Adakah pegawai yang menolak opsyen SSPA layak menerima GPT?	GPT baharu pada kadar RM1,500.00 sebulan adalah tidak terpakai kepada pegawai yang menolak opsyen SSPA.
<b>Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)</b>		
10.	Apakah penambahbaikan yang dilaksanakan ke atas Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)?	<p>Melalui SSPA, JGMM sedia ada telah ditambah baik dan diseragamkan mengikut gred SSPA selaras dengan penetapan kelayakan masuk minimum dalam perkhidmatan awam berdasarkan SPM, penetapan GPT baharu, pemberian pelarasan gaji serta penyeragaman dan penggelaran semula gred jawatan.</p> <p>Selain itu, JGMM di bawah SSPA diseragamkan mengikut gred iaitu satu JGMM bagi setiap gred. Gaji minimum dan gaji maksimum dalam JGMM turut ditambah baik.</p>
11.	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya JGMM pegawai tidak tersenarai di Lampiran D1?	Pegawai yang memerlukan JGMM yang tidak tersenarai seperti di Lampiran D1, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk disediakan suatu JGMM dengan mengemukakan salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang telah dikemaskini.

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN
<b>Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)</b>		
12.	Adakah Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) semasa kekal di bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA)? Adakah TPG pegawai berubah selaras dengan pemberian pelarasan gaji melalui Pekeliling Perkhidmatan ini?	TPG di bawah SSPA kekal pada 1 Januari, 1 April, 1 Julai dan 1 Oktober. Pemberian pelarasan gaji ini tidak mengubah TPG pegawai kecuali kepada pegawai Gred 11 (SSM) yang terlibat dalam urusan pertukaran pelantikan dan gajinya dipindahkan ke gaji permulaan skim perkhidmatan pegawai atau GPT. TPG pegawai tersebut ditetapkan pada 1 Oktober mulai tahun berikutnya.
<b>Kadar Pergerakan Gaji Tahunan (PGT)</b>		
13.	Apakah kadar pemberian PGT yang layak diterima oleh pegawai di bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA)?	<p>Tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan, pemberian PGT kepada seseorang pegawai yang layak adalah berdasarkan kadar seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) iaitu amaun yang digunakan bagi pemberian pergerakan gaji biasa yang ditetapkan mengikut gred dalam JGMM; dan</li> <li>ii) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan di Gaji Maksimum (KGM) iaitu amaun yang digunakan bagi pemberian pergerakan gaji biasa yang ditetapkan mengikut gred dalam JGMM apabila pegawai menghampiri atau mencapai gaji maksimum.</li> </ul>
14.	Bagaimanakah kaedah pemberian PGT kepada pegawai yang menolak opsyen SSPA?	Pegawai yang menolak opsyen SSPA adalah kekal menerima pemberian PGT berdasarkan kaedah sedia ada di bawah SSM.

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN
15.	Adakah pegawai di bawah SSM yang menolak opsyen SSPA tidak layak menerima PGT setelah mencapai atau menghampiri gaji maksimum?	Pegawai di bawah SSM yang menolak opsyen SSPA adalah layak menerima PGT setelah mencapai atau menghampiri gaji maksimum berdasarkan peraturan sedia ada di bawah SSM.
16.	Adakah pegawai di bawah SSM yang menolak opsyen SSPA tidak layak menerima pemberian PGT diawalkan?	Pegawai di bawah SSM yang menolak opsyen SSPA adalah layak menerima pemberian PGT diawalkan berdasarkan peraturan sedia ada di bawah SSM.
17.	Apakah yang berlaku sekiranya kadar KGT berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 adalah lebih rendah daripada kadar KGT sedia ada pegawai?	Pegawai yang sedang menerima kadar KGT yang lebih tinggi daripada kadar KGT berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 akan kekal menggunakan kadar KGT tersebut secara KUP.
18.	Pegawai telah mencapai gaji maksimum dalam JGMM SSM dan sedang mengguna pakai KGT berasaskan kadar tetap 3% menurut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2015 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020. Setelah pemberian pelarasan gaji fasa 1, gaji pegawai kembali berada dalam lingkungan JGMM. Adakah pegawai masih layak menggunakan KGT berasaskan kadar tetap 3% secara KUP?	Tidak layak. Seperti yang dijelaskan dalam perenggan 52, PP Bil. 1/2024, pegawai yang sedang menggunakan kadar tetap 3% adalah tertakluk kepada kadar KGT dan KGM yang berkuat kuasa di bawah SSPA. Pemberian PGT berdasarkan kadar KGM adalah terpakai kepada pegawai yang telah mencapai atau menghampiri gaji maksimum sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 53 hingga 55, PP Bil. 1/2024.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN															
<b>Pemberian Pelarasan Gaji</b>																	
19.	Berapakah kadar pelarasan gaji yang diberikan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 (PP Bil. 1/2024)?	<p>Kadar pelarasan yang diberikan oleh kerajaan melalui PP Bil. 1/2024 adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Kumpulan Perkhidmatan</th> <th rowspan="2">Kadar Pelarasan</th> <th colspan="2">Tarikh pelaksanaan</th> </tr> <tr> <th>Fasa 1: 1 Disember 2024</th> <th>Fasa 2: 1 Januari 2026</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pengurusan Tertinggi</td> <td>7%</td> <td>4%</td> <td>3%</td> </tr> <tr> <td>Pengurusan dan Profesional</td> <td rowspan="2">15%</td> <td rowspan="2">8% atau minimum RM240</td> <td rowspan="2">7%</td> </tr> <tr> <td>Pelaksana</td> </tr> </tbody> </table>	Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Pelarasan	Tarikh pelaksanaan		Fasa 1: 1 Disember 2024	Fasa 2: 1 Januari 2026	Pengurusan Tertinggi	7%	4%	3%	Pengurusan dan Profesional	15%	8% atau minimum RM240	7%	Pelaksana
Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Pelarasan	Tarikh pelaksanaan															
		Fasa 1: 1 Disember 2024	Fasa 2: 1 Januari 2026														
Pengurusan Tertinggi	7%	4%	3%														
Pengurusan dan Profesional	15%	8% atau minimum RM240	7%														
Pelaksana																	
20.	Siapakah pegawai yang layak untuk menerima pemberian pelarasan gaji yang dilaksanakan di bawah Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA)?	<p>Pegawai yang menerima opsyen SSPA dan berada dalam situasi berikut adalah layak untuk menerima pelarasan gaji secara berfasa:</p> <p><u>Fasa 1</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) pegawai yang dilantik sebelum 1 Disember 2024 dan sedang berkhidmat pada 1 Disember 2024; atau</li> <li>ii) pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 1 Disember 2024.</li> </ul> <p><u>Fasa 2</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) pegawai yang dilantik sebelum 1 Januari 2026 dan sedang berkhidmat pada 1 Januari 2026; atau</li> </ul>															

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		ii) pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 1 Januari 2026.
21.	Apakah keadaan yang menyebabkan pegawai tidak layak menerima pelarasan gaji ini?	Pegawai yang tidak layak untuk menerima pelarasan gaji adalah seperti yang berikut:  i) pegawai yang menolak opsyen SSPA; atau ii) pegawai yang tidak lagi berkhidmat pada 1 Disember 2024 (fasa 1) atau 1 Januari 2026 (fasa 2).
22.	Adakah pegawai yang bersara pada 1 Disember 2024 layak menerima pelarasan gaji ini?	Pegawai yang bersara pada 1 Disember 2024 adalah tidak layak menerima pelarasan gaji ini kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 1 Disember 2024.
23.	Adakah pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 1 Januari 2026 layak menerima pelarasan gaji ini?	Pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 1 Januari 2026 adalah layak menerima pelarasan gaji fasa 2 kerana pegawai masih lagi berada dalam perkhidmatan pada 1 Januari 2026.
24.	Adakah pegawai yang menerima opsyen SSPA tetapi belum memenuhi syarat opsyen layak menerima pelarasan gaji ini?	Pegawai yang menerima opsyen SSPA tetapi belum memenuhi syarat opsyen adalah layak menerima pelarasan gaji ini menggunakan JGMM sedia ada di bawah SSM. Gaji pegawai akan diselaras dan dipindahkan berdasarkan skim perkhidmatan dan struktur gaji di bawah SSPA sehari selepas pegawai memenuhi syarat pertukaran pelantikan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
25.	Adakah pegawai yang pada asalnya menolak opsyen SSPA dan kemudiannya dinaikkan pangkat pada 18 Julai 2025 layak menerima pelarasan gaji ini?	Pegawai yang menolak opsyen SSPA tetapi kemudiannya dinaikkan pangkat sebelum 1 Januari 2026 adalah layak menerima pelarasan gaji bagi fasa 2 sahaja.
26.	Adakah pegawai yang menolak opsyen SSPA dan kemudiannya dinaikkan pangkat selepas 1 Januari 2026 layak menerima pelarasan gaji ini?	Pegawai yang menolak opsyen SSPA dan kemudiannya dinaikkan pangkat pada atau selepas 1 Januari 2026 adalah tidak layak menerima pelarasan gaji fasa 1 dan fasa 2. Walau bagaimanapun, pegawai adalah tertakluk kepada struktur JGMM SSPA mengikut gred SSPA yang setara selepas dinaikkan pangkat.
27.	Adakah pegawai yang dilantik selepas 1 Disember 2024 layak menerima pelarasan gaji ini?	Pegawai yang dilantik selepas 1 Disember 2024 tetapi sebelum 1 Januari 2026 adalah layak menerima pelarasan gaji bagi fasa 2.
28.	Adakah pegawai yang sedang dipinjam atau ditukar sementara (ke agensi kerajaan, pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta) serta pegawai yang sedang Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji layak menerima pelarasan gaji ini?	<p>Pegawai yang menerima opsyen SSPA dan sedang dipinjam atau ditukar sementara (ke agensi kerajaan, pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta), serta pegawai yang sedang Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji adalah layak mendapat pelarasan gaji di gred hakiki pegawai secara isyarat.</p> <p>Pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke Kementerian/ Jabatan/ Agensi, pelarasan gaji hendaklah dilaksanakan mengikut gred gaji jawatan peminjaman / tukar sementara secara sebenar. Perbezaan antara gaji peminjaman / tukar sementara dengan gaji hakiki pegawai perlulah lebih atau sama dengan kadar insentif peminjaman pegawai.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
29.	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya gaji maksimum dalam JGMM baharu tidak dapat menampung gaji pegawai selepas pelarasan gaji?	Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan Jadual Gaji Secara Khas Untuk Penyandang (KUP) kepada Bahagian Gaji dan Elaun, JPA dengan mengemukakan salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang telah dikemaskini.
30.	Bilakah permohonan Jadual Gaji Secara Khas Untuk Penyandang (KUP) ini boleh mula dikemukakan kepada Bahagian Gaji dan Elaun, JPA?	Permohonan Jadual Gaji KUP susulan pemberian pelarasan gaji boleh dikemukakan kepada Bahagian Gaji dan Elaun, JPA mulai 1 Disember 2024 (pelarasan gaji fasa 1) dan mulai 1 Januari 2026 (pelarasan gaji fasa 2).
31.	Adakah pelarasan gaji ini turut diberikan kepada personel MySTEP?	Pemberian pelarasan gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini adalah tidak terpakai kepada personel MySTEP.
32.	Apakah kaedah pemberian pelarasan gaji sekiranya tarikh kenaikan pangkat pegawai adalah serentak dengan tarikh pelarasan gaji?	Pegawai yang tarikh kenaikan pangkatnya adalah serentak dengan tarikh pelarasan gaji iaitu pada 1 Disember 2024 atau pada 1 Januari 2026, hendaklah diberi pelarasan gaji terlebih dahulu berdasarkan gred asal dan seterusnya ditetapkan gaji permulaan di gred kenaikan pangkat berdasarkan prinsip kenaikan pangkat atas gaji SSPA.